



**YB. SOON LIP CHEE**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

---

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE  
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG  
PADA 14 FEBRUARI 2021**

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MENYAMBUT BAIK PENGUMUMAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMBUKA SEKTOR SUKAN DAN REKREASI  
DENGAN LEBIH MELUAS BERMULA 12 FEBRUARI 2021**

Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan kelonggaran yang diberikan kepada sektor sukan dan rekreasi dalam satu sidang media khas pada 11 Februari 2021.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum tentang kelonggaran yang diberikan kepada pembukaan aktiviti sukan individu dan tanpa sentuhan. Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik perkara tersebut dan akan mematuhi SOP yang ditetapkan.

**Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang DIBENARKAN:**

Antara aktiviti sukan yang dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 12 Februari 2021 merangkumi aktiviti-aktiviti sukan seperti berikut:

1. Jogging / brisk walking, berbasikal dan senaman yang terhad kepada 2(dua) orang dan dilakukan dalam kawasan kejiranan sahaja;
2. Tenis / badminton / ping pong (acara perseorangan sahaja);
3. Permotoran (dua roda dan empat roda);
4. Aktiviti latihan kemahiran sendiri (tanpa aktiviti bersentuhan) iaitu bola sepak, bola keranjang, hoki dan sepak takraw yang dilakukan secara berseorangan;
5. Gimnasium; dan
6. Golf.

Menurut satu kenyataan media Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengenai perkara berhubung di atas pada 11 Februari 2021 dan SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi PKP yang dikemaskini oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Februari 2021, adalah dimaklumkan bahawa, operasi fasiliti/ premis yang mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang pengoperasian adalah TERHAD kepada pusat kecergasan/ gimnasium, dewan badminton/ ping pong / gelanggang tenis (pengendalian acara perseorangan), padang bola sepak/ futsal / hoki / gelanggang sepak takraw / bola keranjang, litar permotoran dan padang golf (termasuk driving range) sahaja.

Pengusaha-pengusaha fasiliti / premis sukan perlu mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KBS seperti berikut:

1. Pembukaan fasiliti / premis hanya terhad kepada aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan sahaja.
2. Kapasiti penggunaan terhad kepada 30% sahaja dari keluasan premis.
3. Penggunaan secara penjadualan dan tempahan sahaja (walk-in tidak dibenarkan).
4. Memastikan operasi fasiliti / premis mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang pengoperasian.
5. Dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.

Walau bagaimanapun, aktiviti senaman yang hendak dilakukan di dalam pusat kecergasan adalah TERHAD secara individu sahaja. Sesi latihan dan kelas secara berkumpulan adalah DILARANG.

Setiap individu dibenarkan untuk melakukan aktiviti riadah bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam atau tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.

Penganjuran kejohanan/ pertandingan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut model Gelembung Sukan adalah terhad bagi penganjuran Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia sahaja.

Program Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan dalam MFL, MHL dan STL menggunakan model Gelembung Sukan (Sports Bubble: Home Based Training atau Camp Based Training"). Penginapan dan penggunaan tempat-tempat latihan adalah di dalam fasiliti yang kekal dan terkawal. Pergerakan dari penginapan ke tempat latihan hendaklah terkawal dengan pematuhan Protokol Am Individu dan Protokol Am Pengurusan dalam SOP Sektor Sukan dan Rekreasi. Kebenaran merentas negeri dan daerah bagi pemain, jurulatih dan pegawai yang terlibat dalam pertandingan atau perlawanan hendaklah mendapat kelulusan PDRM.

## **Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang TIDAK DIBENARKAN:**

Adalah dimaklumkan juga bahawa antara aktiviti sukan yang tidak dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 12 Februari 2021 merangkumi aktiviti-aktiviti sukan seperti berikut:

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi SELAIN daripada aktiviti-aktiviti yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam SOP MKN dan KBS;
2. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan merentasi daerah/ negeri;
3. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan melibatkan sentuhan fizikal;
4. Operasi fasiliti sukan dan rekreasi SELAIN daripada fasiliti/ premis yang dibenarkan. Kemudahan-kemudahan lain di fasiliti/ premis seperti club house (kecuali untuk pendaftaran), bilik persalinan, lounge, sauna dan jacuzzi;
5. Kelas/ latihan yang dilakukan secara berkumpulan; dan
6. Aktiviti penganjuran kejohanan/pertandingan sukan tempatan dan antarabangsa selain daripada Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Liga Sepak Takraw (STL).

Meskipun ia merupakan satu berita gembira buat penggiat sukan, namun orang awam diingatkan untuk mematuhi penjarakan sosial dan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memastikan kebersihan dan keselamatan diri sendiri sentiasa terjamin.

SOP Sukan dan Rekreasi Protokal Am Individu dan Protokal Am Pengurusan bagi panduan dan pematuhan bagi semua pihak adalah seperti berikut:

### **Protokal Am Individu: (untuk individu yang bersukan)**

1. Aktiviti sukan dan rekreasi kategori individu yang boleh dijalankan secara berseorangan tanpa sentuhan fizikal bagi tujuan kecergasan iaitu jogging, brisk walking, berbasikal, golf, aktiviti gimnasium, senaman, tenis / badminton / ping pong (acara perseorangan sahaja), sukan permotoran dua roda dan empat roda dan aktiviti sukan berpasukan yang dijalankan secara perseorangan iaitu bola sepak, hoki, sepak takraw dan bola keranjang.
2. Aktiviti terhad kepada 2 orang daripada isi rumah yang sama dan dilakukan tanpa merentasi daerah / negeri.
3. Pastikan aktiviti dilakukan di kawasan / fasiliti sukan yang mematuhi SOP diluluskan oleh MKN.

4. Pastikan pemakaian pelitup muka sebelum dan selepas aktiviti dilakukan.
5. Pastikan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat (contact tracing).
6. Pastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti dipatuhi.
7. Dilarang meludah sembarangan/ merata-rata.
8. Amalkan penjarakan fizikal 1-2 m ketika berada di premis dan penjarakan fizikal 1-3m bagi aktiviti statik dan 3-5m bagi aktiviti dinamik.
9. Pastikan peralatan yang dikongsi dibersihkan, dinyahkuman dan disimpan dalam keadaan yang baik.
10. Pastikan meninggalkan premis /tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti latihan.
11. Pastikan tidak bersalaman / bersentuhan dan kurangkan interaksi sosial.
12. DILARANG berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.
13. Aktiviti yang melibatkan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah, golongan kelainan upaya (OKU), berkeperluan khas dan warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas adalah tidak digalakkan.
14. Kontak Rapat pesakit positif; Patient-Under- Surveillance (PUS) / Patient-UnderInvestigation (PUI); dan individu yang mempunyai gejala (seperti selsema, batuk, sakit tekak, demam, sakit kepala dan suhu badan melebihi 37.5 celsius) adalah DILARANG untuk menyertai aktiviti.

#### **Protokol Am Pengurusan:(untuk pemilik / pengusaha / operator fasiliti)**

1. Pastikan Imbasan QR (QR Code) MySejahtera dipaparkan bagi pendaftaran individu ke premis / venue melalui telefon bimbit masing-masing.
2. Pastikan operasi premis / venue mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang operasi dan terhad kepada 30% sahaja dari keluasan.
3. Pastikan operasi premis / venue adalah secara penjadualan dan tempahan (tidak membenarkan walk-in) serta mematuhi waktu operasi yang ditetapkan.
4. Kemudahan tambahan di premis / venue seperti club house (kecuali untuk pendaftaran), bilik persalinan dan sauna adalah TIDAK DIBENARKAN beroperasi.
5. Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 disediakan selari dengan SOP yang dipersetujui oleh (MKN).
6. Pastikan kakitangan yang bertugas memakai pelitup muka.

7. Individu yang tidak berkenaan TIDAK DIBENARKAN berada di dalam premis / venue.
8. Pastikan saringan suhu badan & gejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) dilakukan setiap kali memasuki premis/venue.
9. Amalkan penjarakan fizikal 1-2 m ketika berada di premis dan penjarakan fizikal 1-3m bagi aktiviti statik dan 3-5m bagi aktiviti dinamik.
10. Pastikan sanitizer dan sabun liquid (di dalam tandas) disediakan untuk kemudahan pengguna membersihkan tangan.
11. Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas.
12. Perkongsian peralatan sukan seperti raket, bola, stick golf/ club dan sebagainya adalah DILARANG.
13. Pastikan peralatan yang digunakan dibersihkan dan dinyahkuman selepas penggunaan.
14. Pastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis/venue.
15. Pastikan penggunaan bilik mandi / persalinan ditutup dengan notis yang jelas; tandas dibenarkan dengan bilangan pengguna yang minima serta dibersihkan secara kerap.
16. Kelas/ Latihan secara berkumpulan TIDAK DIBENARKAN. Aktiviti dilakukan secara perseorangan sahaja.
17. Golf: Penggunaan satu buggy untuk satu orang sahaja. Driving range dibenarkan dengan mematuhi protokol pengurusan. Kedi diwajibkan memakai mask dan sarung tangan sepanjang masa.
18. Aktiviti sukan berpasukan iaitu bola sepak, bola keranjang, hoki dan sepak takraw dilakukan secara berseorangan dan aktiviti berkumpulan adalah DILARANG.
19. Pastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan.
20. Pembersihan dan nyahkuman premis/venue dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengharapkan supaya kelonggaran akan diberi kepada aktiviti sukan dan rekreasi lain sekiranya tempoh PKP dilanjutkan lagi. Namun, kelonggaran yang diberikan kepada aktiviti sukan dan rekreasi yang lain juga seharusnya mengambil kira isu keseimbangan dalam aspek kesihatan awam.

## **SOON LIP CHEE**

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG